

# pusat promosi produk

## Stephanie Lee

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) digesa membuka sebuah pusat untuk mempromosi dan memasarkan produk yang mereka cipta.

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar, Datuk Masidi Manjun pada Selasa berkata, terdapat bakat yang begitu besar dalam universiti itu, yang jika dimajukan dengan sempurna boleh memberi banyak kebaikan kepada universiti itu dan juga negeri.

"Saya dapat melihat begitu banyak potensi di sini, lebih-lebih lagi daripada pertandingan inovasi dan reka cipta yang diadakan.

"UMS boleh menjadi kaya raya dengan hanya menjual produk-produk ini," katanya semasa majlis penutupan dan penyampaian hadiah pertandingan Penyelidikan dan Inovasi UMS, yang diadakan di Dewan Canselor UMS.

Beliau berkata, kebanyakan produk yang dicipta adalah daripada sumber asli, mewartakan lagi kenapa penggunaannya boleh dipertingkatkan lagi dan dijadikan sesuatu yang ekonomi dan berfaedah kepada masyarakat.

Masidi berkata, pihak kementerian dan Kerajaan Negeri bersedia untuk membantu individu-individu berkecukupan dan universiti itu untuk memasarkan produk mereka.

Dalam soal itu, beliau berkata, Sabah mempunyai segala sumber yang diperlukan, dan apa yang diperlukan hanya idea dan usaha daripada rakyat untuk menggunakan semua ini.

"Tuhan telah memberi kita semua sumber yang kita perlukan. Tuhan juga telah beri kita minda yang dinamik, jadi gunakanlah," tambahnya.

Sementara itu, sebanyak 38 pasukan menerima pingat Emas bagi Kategori Penyelidikan dan Inovasi, yang disertai 284 pasukan.

Antara projek yang menang termasuk 'Intelligent Embedded Technology for Optimal Traffic Control System', di mana satu alat khas dicipta untuk merakam imej kenderaan daripada kamera video atas jalan raya.

Ia membantu menilai plan isyarat lalu lintas terbaik sebagai menggantikan kaedah biasa yang digunakan sekarang.